

# 65 di-pileh ka-Majlis Rundingan

Berita Harian, 13 January 1970, Page 1

 Article also available on Microfilm Reel NL6422

# 65 di-pileh ka-Majlis Rundingan

KUALA LUMPUR, Isnin

**P**ENGARAH Gerakan, Tun Abdul Razak hari ini mengumumkan senarai nama 65 orang anggota Majlis Perundingan, mewakili pelbagai golongan masyarakat Malaysia.

Ia termasuk juga wakil2 dari parti2 politik, golongan2 ugama dan lain2 kepentingan khas seperti kesatuan2 sa-kerja dan akhbar, serta golongan2 profesenal.

Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman akan berucap dalam sidang pertama Majlis itu pada 27 Januari ini.

Pengerusi Majlis Perundangan itu ialah Tun Razak sendiri. Dan tiga orang Menteri di-dalam-nya ialah:

Menteri Dalam Negeri, Tun Dr. Ismail; Menteri tugas2 khas, Tun Tan Siew Sin, dan Menteri Kerja Raya, Pos dan Tali-kom, Tun V. T. Sambanthan.

Tun Razak dalam kenyataan mengenai-nya hari ini berkata:

"Dengan penubohan Majlis ini maka terbuka-lah jalan untuk ra'ayat memberi sum-bangan2 positif untuk

***SEMUA PARTI,***

***GOLONGAN***

***DI-WAKILI***

***KECHUALI DAP***

penyelesaian2 abadi kepada masa'alah2 perkauman kita demi menjaminkan bahawa trajedi 13 Mei tidak akan berulang, dan supaya keamanan serta ketenteraman abadi wujud dalam negeri ini.

"Ada-lah penting sekali bagi nasib masa depan Malaysia bahawa

bahawa semua part politik terkemuka telah menerima undangan-ny: untuk menyerta! Maill itu kechuali DAP.

DAP telah menchalunkan Enche Lim Kit Siang Setiausaha Agong-ny dan Dr. S. Seevaratnam bendahari-nva.

Tun Razak berkata penchalunan Enche Lir tidak-lah dapat di-teri ma kerana ia dalam ta hanan kerana kegiatan



**PROF. UNGKU AZIZ**  
Salah sa-orang anggota  
Majlis Perundingan